

# SIARAN MEDIA



Untuk Siaran Segera

## BANK ISLAM MENGGALAKKAN PEMBAYARAN ZAKAT FITRAH MELALUI SnapNPay BAGI KEMUDAHAN PELANGGAN

**KUALA LUMPUR, Ahad, [10 Mei 2020]:** Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") kini menyediakan kemudahan pembayaran elektronik mudah bagi membolehkan pelanggan menuaikan kewajiban membayar Zakat Fitrah pada bulan Ramadan yang mulia ini. Menerusi aplikasi mudah alih SnapNPay, kemudahan pembayaran tersebut melibatkan kerjasama dengan rakan strategik, SnapNPay Digital Sdn Bhd ("SNPD") dan sebelas (11) Lembaga Zakat Negeri.

Perkhidmatan ini terbuka kepada semua pengguna dan tidak terhad kepada pelanggan Bank Islam. Melalui aplikasi ini, perdaftaran akaun atau butir peribadi pengguna tidak diperlukan. Sebaliknya, hanya alamat e-mel diperlukan bagi melengkapkan transaksi pembayaran.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Berikutan penularan wabak COVID-19 dan bersempena bulan Ramadan, Bank Islam menawarkan kemudahan pembayaran Zakat Fitrah secara dalam talian bagi meminimumkan pergerakan orang awam serta mengelakkan kontak fizikal. Bank Islam sentiasa berinovasi untuk memberi nilai tambah kepada pelanggan daripada segenap segmen. Malah, kerjasama dengan SNPD telah bermula pada tahun 2018 melalui aplikasi digital SnapNPay dengan tujuan untuk memperkuatkannya lagi usaha pendigitalan Bank ini. Dengan memanfaatkan kepakaran teknologi SNPD, kewajiban pembayaran Zakat Fitrah ini dapat disempurnakan pada masa sebenar."

"Menerusi kaedah ini, kami menerapkan elemen teknologi kepada penyelesaian Shariah, seterusnya menyampaikan perkhidmatan yang memenuhi keperluan hari ini yang selari dengan trend digital semasa," tambah beliau.

Aplikasi SnapNPay boleh dimuat turun secara percuma melalui AppStore ("iOS") atau PlayStore ("Android"). Pelanggan hanya perlu mengimbas kod Respon Pantas ("QR") yang disediakan atau memuat naik imej kod QR daripada galeri untuk membuat pembayaran. Proses pembayaran boleh dibuat dari kesemua 29 bank ahli FPX di Malaysia.

Pada masa ini, Lembaga Zakat Negeri seperti Perak, Terengganu, Sabah, Sarawak, Perlis, Negeri Sembilan, Johor, Kelantan dan Pahang menggunakan satu kod QR generik untuk negeri masing-masing, manakala Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang menggunakan kod QR unik bagi setiap wakil kutipan zakat ("Amil"). Di samping itu, selain Zakat Fitrah, Lembaga Zakat Negeri Kedah Darul Aman turut menerima pembayaran zakat-zakat lain.

Disamping pembayaran Zakat Fitrah, aplikasi SnapNPay juga menyediakan peluang kepada pengguna untuk menyumbang kepada Sadaqa House, sebuah platform pendanaan awam yang disediakan Bank Islam bagi tujuan untuk merealisasikan projek-projek bagi golongan terpinggir yang merangkumi kategori kesihatan, pendidikan, pemerkasaan ekonomi dan alam sekitar.

Aplikasi ini juga menyediakan kemudahan pembayaran seperti zakat, wakaf, dan iSedekah. Selain itu, pembayaran kepada pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan, institusi pendidikan, kesihatan, Badan Pengurusan Bersama ("JMB") dan kedai runcit juga boleh disempurnakan menerusi aplikasi berkenaan. Sehingga 4 April 2020, kadar muat turun aplikasi SnapNPay dari platform AppStore dan PlayStore telah melebihi 65,000 pengguna. Sejumlah 90,000 transaksi bernilai hampir RM4 juta juga telah direkodkan. Bagi bulan Ramadan ini, Bank Islam dan SNPD berhasrat untuk membantu mengumpul kira-kira 7% hingga 20% daripada jumlah Zakat Fitrah tahunan bagi negeri-negeri terlibat.

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan

Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com">www.bankislam.com</a> .	<b>Omar Atin</b> Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimboldings.com">omar@bimboldings.com</a> Web: <a href="http://www.bimboldings.com">www.bimboldings.com</a>
-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------